

AMANAT
YBHG. DATO' PROF. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN
MEMBERBAHARUI IKRAR PERKHIDMATAN AWAM JPSM
TAHUN 2013
PADA 14 JANUARI 2013 (ISNIN) (2 RABIUL AWAL 1434H)
DI DEWAN DAMAR MINYAK
IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Bismillahir-rahmanir-rahim.
Selawat dan Salam keatas Rasulullah SAW.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Satu Malaysia,
Salam Satu NRE; dan
Salam Satu JPSM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Masran bin Md Saleh
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan).

Yang Berbahagia Dato' Nik Mohd Shah bin Nik Mustafa,
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal)

Yang Berusaha Puan Laila Khalidah binti Ismail,
Pengaroh Bahagian Khidmat Pengurusan,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis Perhimpunan Bulanan
Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan
Mempergabarui Ikrar Perkhidmatan Awam JPSM Tahun 2013

Pengaroh-Pengaroh Perhutanan Negeri,
Pegawai-Pengaroh Bahagian,
Pegawai-Pegawai Kanan,
Renjer Hutan, Pengawas Hutan dan kakitangan berpakaian seragam,
Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan Warga kerja Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia (JPSM).

Pertama-tamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu-Wa-Ta'ala di atas limpah rahmat dan iradahNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun bersama-sama pada pagi ini sempena **Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam JPSM Tahun 2013** buat julung kalinya di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kepada **semua lapisan warga kerja di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri dan** warga kerja JPSM yang **dikaderkan di Agensi-agensi Kerajaan** yang lain, iaitu **Jabatan Keselamatan dan Kesihatan** di seluruh Malaysia kerana dapat hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan IPP JPSM dan Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam JPSM Tahun 2013. Saya amat bersukacita untuk bersama-sama Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan semua lapisan wargakerja JPSM di dalam perhimpunan bulanan untuk pertama kalinya bersempena Tahun Baru 2013 Masihi. Di kesempatan ini, izinkan saya merakamkan ucapan kepada semua hadirin sekalian Selamat Menyambut Tahun Baru 2013. Semoga Allah SWT memberkati usia kita dengan barakah dan masa depan JPSM yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. InsyaAllah.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasehi sekalian,

3. Kita baru sahaja melangkah masuk hari yang ke-14 di Tahun 2013. Masa terus berlalu begitu pantas meninggalkan kita. Tahun 2012 telah meninggalkan kita. Kini kita berada di Tahun baru – 2013. Di kesempatan ini, marilah kita memanjatkan rasa syukur kehidrat Illahi kerana kita bukan sahaja dapat mengharungi serta mengatasi pelbagai cabaran sepanjang Tahun 2012 malahan telah sama-sama berjaya memperkukuhkan semangat kesepaduan kita "bekerja dalam satu pasukan" dengan menunjukkan pencapaian prestasi yang amat memberangsangkan sepanjang satu tahun yang lalu bersama saya berlayar bersama "Bahtera Hijau JPSM" ini. Semua ini berjaya kita capai hasil daripada semangat kerjasama dan kesungguhan kita "bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*)", komitmen bekerja yang tinggi dan usaha gigih yang berterusan oleh seluruh warga kerja JPSM di semua lapisan di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan dan Jabatan-jabatan

Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia dalam memikul dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita untuk mengurus, membangun dan mentadbirkan sumber hutan negara di bawah amalan "Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*)".

4. Mengimbau kembali perjalanan kita sepanjang Tahun 2012 yang lalu, yang merupakan juga tahun pertama saya menerajui JPSM sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM), saya telah berusaha mengajak semua lapisan warga kerja JPSM di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri untuk bersama-sama saya terus mengorak langkah untuk lebih gigih bekerja bagi **mentransformasi** JPSM dengan pelaksanaan pelbagai program/aktiviti kearah merealisasikan Wawasan JPSM iaitu untuk "**Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan**" serta juga seiring dengan aspirasi dan wasasan Kerajaan Malaysia untuk menjadi Negara maju berpendapatan tinggi menjelang Tahun 2020. Dalam merealisasikan hasrat murni ini, sesungguhnya ianya bukan suatu tanggungjawab yang mudah malah ianya amatlah penuh mencabar dan perlu ditangani secara "bekerja dalam satu pasukan (teamwork)" dimana tiada seorang warga kerja JPSM yang terkecuali. Dalam konteks ini, Organisasi JPSM perlu bergerak pantas serta mengadakan tranformasi agar terus menjadi sebuah agensi yang sentiasa "Terunggul" seperti mana yang kita iltizamkan di dalam wawasan JPSM dengan mengungguli ciri-ciri yang saya simpulkan sebagai "5R", iaitu "**Relevant** (relevan)", "**Reffered** (dirujuk)", "**Respected**" (disegani/dihormati)", "**Recognized**" (diiktiraf)" dan "**Robust** (tegas/pantas)".

5. Dalam konteks ini, di sepanjang Tahun 2012 kita telah bersama-sama memperkemaskan jati diri dengan melakukan perubahan minda dan penghayatan pelaksanaan budaya bekerja yang lebih cemerlang dengan pendekatan yang lebih dinamik termasuk penggunaan model Analisa SWOT, Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) dan penggembelangan semangat "bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*)" dalam melaksanakan pelbagai program/aktiviti perhutanan secara bersepadu. Pencapaian hasrat dan aspirasi JPSM ini dapat dilihat menerusi beberapa pencapaian komitmen serta iltizam yang tinggi oleh semua pihak warga kerja JPSM di antaranya ialah pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) tahun 2012 yang mana JPSM telah berjaya mencapai melebihi sasaran.

6. Tidak ketinggalan juga kita telah bersama-sama mencapai beberapa pencapaian kecemerlangan JPSM yang amat memberangsangkan di sepanjang tahun 2012, samada di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan mahupun di peringkat Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri. Pencapaian ini dapat disimpulkan di antaranya sepertimana berikut :-

- Mengekalkan **Amalan Persekitaran Berkualiti 5S** di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPP JPSM) dan menerima Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dari pihak MPC pada 13 Ogos 2012.
- **Nada Rimba**, Kumpulan Nasyid IPP JPSM memperolehi **Naib Johan** dalam Festival Lagu-Lagu Dakwah Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) yang telah diadakan pada 11 Oktober 2012.
- IPP JPSM memperolehi **Johan** dalam **Pertandingan Poster Propaganda: Kategori Alam Sekitar**, manakala empat (4) lagi saguhati dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sempena Hari Inovasi NRE pada 8 November 2012.
- **Laman Web Rasmi JPSM** telah memperolehi "**penarafan 5 bintang (5 star rating)**", dengan **ranking ke-7** berbanding **ranking ke-8** tahun 2011 di bawah penilaian Laman Web Sektor Awam, serta dinobatkan juga sebagai penerima **anugerah 'Strategic Achievers'**, pada 12 Disember 2012.
- Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri (8 FMUs ia itu Kelantan, auditan pada 21-24 Mei 2012 perolehi 2 Minor CAR dan 5 Pemerhatian (OBS); Johor, auditan pada 19-22 Jun 2012 perolehi 2 Minor CAR dan 5 OBS; Negri Sembilan, auditan pada 3-7 Sept., 2012 perolehi 6 Minor CAR dan 10 OBS; Terengganu, auditan pada 9-13 Sept. 2012 perolehi 4 Minor CAR dan 10 OBS; Kedah, auditan pada 23-27 Sept., 2012 perolehi 4 Minor CAR dan 10 OBS; Perak, auditan pada 8-13 Okt., 2012 perolehi 2 Minor CAR dan 6 OBS; Pahang, auditan pada 15-19 Okt., 2012 perolehi 2 Minor CAR dan 10 OBS; dan Selangor, auditan pada 26-28 Dis., 2012 perolehi 0 CAR dan 3 OBS) berjaya **mengekalkan Sijil Pensijilan Pengurusan Hutan** di bawah MC&I (2002) untuk 3 Tahun lagi. Syabas kepada FMU Selangor berjaya perolehi **0 CAR**.

- IPP JPSM berjaya disyorkan untuk pensijilan **MS ISO 9001:2008 pada 18 Disember 2012** yang mana akan menerima sijilnya tidak lama lagi.
- JPSM berjaya **mengurangkan** kes pembalakan haram hampir **70%** berbanding tahun 2011 (8 Kes daripada 24 kes pada tahun 2011).
- JPSM berjaya mencapai **100%** dalam pelaksanaan Tempoh 7 hari berkursus di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- IPP JPSM berjaya mencapai melebihi 100% (iaitu **104%**) perbelanjaan **Belanja Mengurus** di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (Bayaran Bonus Tahun 2012).
- IPP JPSM berjaya mencapai **99.92%** bagi perbelanjaan Projek Pembangunan di Bawah RMK-10 bagi Tahun 2012.
- Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri juga turut mencapai beberapa pencapaian seumpamanya di IPP JPSM.

7. Dalam hal ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua lapisan warga kerja JPSM sama ada di Peringkat Ibu Pejabat dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri kerana telah mampu menterjemahkan agenda transformasi JPSM di sepanjang Tahun 2012. Pasti pencapaian-pencapaian yang amat memberangsangkan seumpama ini telah membuktikan kepada kita semua bahawa kita mampu untuk menghasilkan sesuatu yang membanggakan jika kita tetap teguh serta bersungguh-sungguh "bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*)" dan terus membudaya kerja cemerlang. Tentunya Pencapaian seumpama ini akan tetap diteruskan secara lebih menyeluruh lagi di semua lapisan warga kerja JPSM di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan dan di Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia dalam Tahun 2013 ini. InsyaAllah.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasehi sekalian,

8. Di kesempatan ini juga, izinkan saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian mengenai saranan murni tetapi tegas oleh **YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abd. Razak**, Perdana Menteri Malaysia (PM) sewaktu menyampaikan ucapan/amanat Tahun 2013 beliau

semasa **Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri** pada **7 Januari 2013** di Putrajaya. YAB Perdana Menteri telah menyeru semua Penjawat Awam untuk memberikan menghayati serta memberikan tumpuan kepada tujuh (7) keutamaan selaras dengan agenda transformasi negara (GTP), iaitu :-

- (i) Memastikan **perpaduan** dan **jati diri nasional** diperkukuhkan;
- (ii) Melaksanakan Bajet 2013 yang bertemakan "**Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati**" dengan lancar dan mengikut jadual;
- (iii) **Agenda GTP** beri kesan dan kepuasan kepada rakyat selain suntikan pertumbuhan ekonomi negara;
- (iv) Penambahan **hasil kekayaan** negara diagih secara adil dan saksama kepada rakyat;
- (v) Program di bawah **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** dilaksana sepenuhnya;
- (vi) Perkhidmatan **cepat, tepat dan berintegriti** selain pemikiran **kreatif lagi inovatif**; dan
- (vii) **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** Menteri dan Kementerian perlu dicapai sepenuhnya.

9. Selain daripada perkara itu, YAB Perdana Menteri turut juga mengingatkan supaya semua Penjawat Awam **tidak boleh terus leka** atau **rasa selesa** dengan pencapaian semasa, malah perlu semua Penjawat Awam terus diseru supaya **melipat ganda usaha** menjadikan Tahun 2013 lebih berjaya dan cemerlang dari tahun-tahun lalu. JPSM tidak mahu ketinggalan dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri tersebut dan akan terus memperkasakan semangat pengukuhan JPSM dengan "bekerja dalam satu pasukan (*teamwork*)" dalam meniti arus perdana pembangunan Negara Malaysia.

10. Pada hemat saya, pada tahun 2013 ini, JPSM akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran masa kini dan akan datang yang mendesak semua lapisan warga kerja JPSM di peringkat IPP JPSM dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri untuk sentiasa bersiap siaga dengan mentransformasikan jati diri kita untuk bersama-sama mengharungi semua cabaran yang akan mendatang di Tahun 2013. Dalam konteks ini, JPSM selaku Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus, membangun dan mentadbir sumber hutan Negara perlu juga memberikan tumpuan jitu kepada aspek-aspek penting sepertimana berikut :-

- JPSM dan sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia perlu bergerak seiring dengan agenda transformasi negara yang mencakupi 'GTP (*Government Transformation Programme*)' dan 'ETP (*Economic Transformation Programme*)' bagi memacu wawasan negara untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.
- JPSM perlu bersifat dinamik dan berupaya menghadapi pelbagai perubahan lanskap keperluan dan permintaan masyarakat setempat dan antarabangsa terhadap peranan dan sumbangnya sektor perhutanan kepada kesejahteraan kehidupan.
- JPSM perlu pertingkatkan tindakan penjajaran terhadap persekitaran sektor perkhidmatan awam baru yang mendesak kepada akauntabiliti dan penjana hasil berimpak tinggi menerusi penghayatan (6) prinsip utama budaya kerja cemerlang iaitu CTI (*Cepat, Tepat dan Integriti*) dan PCI (*Productivity, Creativity dan Innovation*) yang telah diwar-warkan juga oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

11. Justeru itu lah, JPSM perlu terus menyusun serta memperkemaskan strategi-strategi tindakan susulan masa depan yang lebih mantap sekalipun berhadapan dengan kekangan peruntukan kewangan dan sumber yang terbatas atau keжат sedangkan keperluan pertumbuhan dan perkembangan terus mendesak terutamanya dalam usaha kita untuk merealisasikan Wawasan JPSM iaitu untuk "**Menjadi Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan**". Sesungguhnya kita semua tidak mahu ketinggalan dalam arus pembangunan Negara serta akan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran yang mendatang ini. InsyaAllah, kita akan hadapinya dan menangani secara bersama dengan dada yang lapang dan minda yang terbuka. Cabaran-cabaran ini juga sekali gus mendesak kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya melalui pemantapan semua lapisan warga kerja JPSM dalam melaksana dan mendokong pelaksanaan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) akan juga turut bertambah mencabar, terutamanya dalam mengimbangi antara keperluan memenuhi kesejahteraan kehidupan masyarakat dan memastikan pembangunan sosio-ekonomi negara terus berkembang dengan sektor perhutanan negara agar ianya terus dimanfaatkan oleh masyarakat secara berkekalan.

12. Dalam konteks ini, kita harus menfokuskan kepada kepentingan pencapaian merealisasikan Wawasan JPSM tanpa melibatkan

kepentingan peribadi. Justeru itulah semua lapisan warga kerja JPSM, akan terus diajak untuk bersama-sama melaksanakan pelbagai program/aktiviti perhutanan melalui usaha-usaha gigih kita secara bersepadu di Tahun 2013 ini kearah membolehkan kita merealisasikan Wawasan JPSM menjelang Tahun 2020 yang kian hampir kira-kira 7 tahun lagi. Ini termasuklah juga memastikan JPSM memperolehi penarafan **Star Rating** oleh MAMPU, **Indeks Akauntabiliti (AI)** oleh **Jabatan Audit Negara**, **pengekalan MS ISO 9001:2008**, **pengekalan Pensijilan di bawah Malaysian Criteria and Indicator (Natural Forest)** dan **Pelaksanaan Pencapaian KPI 2013**. Kita akan terus bersama-sama memastikan bahawa strategi-strategi yang telah diatur akan dilaksanakan secara berkesan sejajar dengan Pelan Strategik JPSM dan terus berusaha mengatasi pelbagai kelemahan yang telah dikenalpasti di samping mengambil pelbagai peluang/kesempatan yang ada (*opportunity*) bagi memastikan JPSM terus relevan sebagai Agensi Kerajaan yang berperanan penting melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengurus, membangun dan mentadbir sumber hutan negara.

13. Segala usaha dan perancangan yang telah kita tetapkan seterusnya perlu dipacu dengan pemerkasaan kreativiti dan inovasi bagi terus merealisasikan agenda transformasi jabatan pada tahun 2013 dicapai. Proses membudayakan kreativiti dan inovasi bukan sahaja memfokus kepada penghasilan kerja semata-mata tetapi ia perlu dilihat dari pelbagai aspek kehidupan dan gaya kerja seseorang penjawat awam. Pembangunan minda yang kreatif dan minat yang tinggi terhadap inovasi perlu disemarakkan bagi meneroka kaedah baru yang terbaik untuk memenuhi kehendak pelanggan berpaksikan kepada falsafah "Mengunjur Melangkaui Pokok-pokok (*Looking Beyond Trees*)". Sebagai penjawat awam, kita haruslah sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan dalam menjalankan tugas seharian. Ini dilakukan untuk memperkasa sistem penyampaian dan mempercepatkan urusan kerja. Rasa kecintaan kepada organisasi terutamanya Jabatan ini perlu terus ditanam kerana ianya adalah kunci kepada rasa kesetiaan, ketaatan dan disiplin yang cemerlang. Rasa kecintaan kepada jabatan juga merupakan pencetus semangat dan motivasi kepada kita semua untuk berdepan dengan cabaran serta halangan bagi menjayakan setiap agenda yang disasarkan.

14. Dalam konteks ini, adalah menjadi harapan saya juga supaya semua lapisan warga kerja JPSM untuk kita bersama-sama terus menghayati, melaksanakan dan memperkasakan gagasan **sembilan (9)**

tindakan-tindakan budaya kerja cemerlang” sepertimana yang saya sering war-warkan, iaitu:-

- Fokuskan Kerja dengan Niat yang betul;
- Perkuatkan Barisan (Organisasi);
- Pekaikan Semangat Berpasukan (Teamwork);
- Tambahkan Ilmu Pengetahuan (Life Long Learning);
- Tingkatkan Kemahiran dan Kepakaran (Skill and Knowledge);
- Istiqamah (Consistent);
- Pantas dan Tangkas (Tidak Bertanggung-tanggung);
- Jangan Negatif – Elakkan Bersikap Negatif; dan
- Positif dan Pro-Aktif – Sentiasa Bersikap Lebih Positif.

15. Marilah kita memasuki tahun baru 2013 dengan penuh tawaduk dan insaf, memperbaiki apa jua kelemahan sepanjang tahun 2012 bagi menghadapi setiap cabaran dengan persediaan yang cukup serta berazam dan bertekad untuk menjadi insan, khususnya warga kerja, yang berjaya dan mulia untuk bersama-sama dengan saya melayari “Bahtera Hijau JPSM” ini bagi menuju Wawasan JPSM di Tahun 2020 di samping juga dipandu oleh “**Kod Etika JPSM**” yang telah digubal berasaskan prinsip dan teras yang mencakupi: (i) Bernilai murni, (ii) Professionalisme, (iii) Berakuntabiliti, (iv) Mengutamakan Pelanggan dan (v) Berpengatahuan.

YBhg. Dato’-Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasehi sekalian,

16. Di kesempatan ini, izinkan saya juga merakamkan jutaan terima kasih, serta setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua lapisan warga kerja JPSM di atas komitmen tinggi dan konsisten memberi perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2012. Saya yakin dan percaya, dengan sifat bertoleransi, bersatu-padu, hormat-menghormati dan bekerjasama di setiap warga kerja perhutanan sediada di semua peringkat dan lapisan bukan sahaja di peringkat Ibu Pejabat malah di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri-negeri lain, segala perancangan dan usaha dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan.

17. Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya pada hari ini, izinkan saya mengambil kesempatan di sini untuk sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Warga kerja JPSM, sama ada di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dan juga warga kerja JPSM yang dikaderkan di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan yang sudi hadir bersama pada majlis

perhimpunan bulanan IPP JPSM dan Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam JPSM pada kali ini. Bersempena pada tahun baru 2013 ini, saya berharap segala azam dan perancangan yang akan kita rancang dapat dilaksana dengan jayanya di samping meraih lebih banyak lagi pencapaian yang membanggakan. Semoga kita semua akan berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi dalam tahun 2013 ini seiring dengan semangat yang telah kita sama-sama pupuk, iaitu "**Anda Boleh, Saya Boleh, Kita Boleh, JPSM Boleh (You Can, I Can, We Can, JPSM Can)**".

18. Semoga usaha-usaha JPSM ini akan sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta keberkatan oleh Allah SWT dengan kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Sebagai mengakhiri ucapan saya pada kali ini marilah kita sama-sama menghayati intipati yang dibawa oleh firman Allah SWT dalam Surah Al-Ashr (Masa) 103, ayat 1-3: 1. Demi masa. 2. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. 3. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menepati kesabaran.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahi-taufik-walhidayah.
Assalamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh.**

14 Januari 2013

UCAPANKPPSM-PERHIMPUNANAWALTAHUN2013